



- 20 MEI 2009

Kaedah Agih subsidi, insentif pertanian dikaji

KOTA BHARU – Kerajaan akan mengkaji semula kaedah pengagihan subsidi dan insentif kepada penternak, petani dan nelayan bagi memastikan setiap bantuan yang diperuntukkan benar-benar sampai kepada kumpulan sasar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar berkata, langkah itu diambil kerana masih ada yang merungut tidak mendapat bantuan daripada kerajaan atau bantuan lambat sampai kepada mereka.

Beliau berkata, kerajaan menyediakan peruntukan berbilion ringgit dalam bentuk subsidi dan insentif kepada rakyat, namun ada kalanya ia menjadi habuan syarikat besar atau hanya

diperoleh kelompok yang tahu cara memohonnya.

“Kita beri begitu banyak bantuan, misalnya, Dasar Jaminan Makanan Negara, petani yang jual ayam, telur, ikan, sayur, padi, semua itu dapat insentif. Tetapi kita dapati ada juga rakyat yang jual sayur 20 kilogram, bela ikan keli dua tiga kolam, insentif ini tak sampai kepada mereka. Saya lihat banyak yang sampai kepada syarikat-syarikat besar dan orang tertentu.” Katanya, semalam.

Terdahulu, Noh mengadakan perjumpaan dengan Penanam Padi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di Ladang Merdeka Ismail, Mulong Lating, di sini.